

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI**

SOALAN

**YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-
langkah yang sedang diambil untuk mengesan dan menangkap Jho Low.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Low Taek Jho atau dikenali sebagai Jho Low dan bapanya Low Hock Peng dikehendaki oleh pihak berkuasa negara ini bagi membantu siasatan berhubung syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Kedua-dua individu ini dipercayai berada di luar dan usaha mengesan dan membawa balik mereka ke Malaysia masih diteruskan.

Antara usaha yang telah diambil oleh pihak polis adalah dengan mengemukakan permohonan kepada Interpol untuk memasukkan nama Jho Low dan bapanya di dalam senarai orang yang dikehendaki (*Interpol Red Notice*).

Selain tindakan melalui Interpol, usaha mengesan mereka turut giat dilaksanakan dengan kerjasama negara-negara lain. Satu mesyuarat *task-force* yang melibatkan Malaysia, Amerika Syarikat, Switzerland dan Singapura telah diadakan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya pada 18 dan 19 September 2018 berhubung siasatan dan keterangan melibatkan kes 1MDB. Mesyuarat juga membincangkan usaha untuk mengesan Jho Low dan usaha menyita aset-aset berkaitan 1MDB yang berada di luar negara.

Di samping itu, pihak Polis Diraja Malaysia sedang berunding dengan negara-negara tertentu untuk membawa balik Jho Low ke Malaysia dan proses rundingan ini masih diteruskan. Usaha bagi mengesan bapa Jho Low iaitu Low Hock Peng juga masih diteruskan dengan bantuan pihak Interpol.